A

Thineswaran a/l Rajandren lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERMOHONAN JENAYAH NO BA-44–121–03 TAHUN 2024
WENDY OOI PK
25 SEPTEMBER 2024

C *Prosedur Jenayah — Habeas corpus — Permohonan — Permohonan habeas corpus terhadap perintah tahanan di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta 316') — Sama ada wujudnya ketidakpatuhan kepada s 6(1) Akta 316 dibaca bersama s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ('Akta 388') akibat kelewatan mengeluarkan perintah*
D *tahanan — Sama ada wujudnya ketidakpatuhan kepada s 5(4) Akta 316 dibaca bersama s 54(2) Akta 388 akibat kelewatan pegawai siasatan menyediakan dan mengemukakan laporan lengkap kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri — Sama ada wujudnya ketidakpatuhan kepada s 5(2), (3) dan (4) Akta 316*
E *apabila laporan lengkap pegawai siasatan disediakan berdasarkan keterangan pemohon tanpa kehadiran jurubahasa Tamil — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 3(3), 5(1), (2), (3), (4) & 6(1) — Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 54(2)*

F *Undang-Undang Perlembagaan — Habeas corpus — Perintah tahanan — Permohonan habeas corpus terhadap perintah tahanan di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta 316') — Kegagalan membekalkan sesalinan rekod keterangan pemohon sebelum pendengaran representasi — Penolakan permohonan pemohon untuk*
G *penangguhan pendengaran representasi bagi membolehkan kehadiran saksi-saksi penting pemohon — Sama ada terdapat pelanggaran perkara 151 Perlembagaan Persekutuan — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 5(4), 6(1), 10(1) & 11C(1) — Perlembagaan Persekutuan perkara 151*

H Pada 13 Julai 2023, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia ('TMDN/responden pertama') telah mengeluarkan perintah tahanan di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta 316') terhadap pemohon untuk tempoh dua tahun mulai dari 13 Julai 2023 ('perintah tahanan tersebut'). Berikutan itu, lembaga penasihat
I telah mendengar representasi pemohon dan seterusnya memberikan syor kepada Yang di-Pertuan Agong ('YDPA'). Setelah mempertimbangkan syor tersebut, YDPA telah memperkenankan pada 3 Oktober 2023 agar perintah tahanan tersebut diteruskan. Terkilan dengan penerusan perintah tahanan tersebut, pemohon telah memfailkan permohonan semasa untuk writ habeas

corpus. Isu-isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah: (a) sama ada wujudnya ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah s 6(1) Akta 316 dibaca bersama s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 ('Akta 388') akibat kelewatan selama 17 hari TMDN dalam mengeluarkan perintah tahanan terhadap pemohon; (b) sama ada wujudnya ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah s 5(4) Akta 316 dibaca bersama peruntukan s 54(2) Akta 388 akibat kelewatan yang tidak munasabah selama 12 hari oleh pegawai siasatan dalam menyediakan dan mengemukakan laporan lengkap beliau kepada TMDN; (c) sama ada wujudnya ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah s 5(2), (3) dan (4) Akta 316 apabila laporan lengkap pegawai siasatan telah disediakan berdasarkan kepada keterangan pemohon tanpa kehadiran seorang jurubahasa Tamil — berkaitan dengan isu ini, responden telah memohon melalui kandungan 28 untuk meminda perenggan 5 afidavit jawapan Sarjan Mejar Suresh Rao a/l Simancha ('kandungan 14') di mana tarikh 26 Jun 2023 ('tarikh tersebut') dipinda kepada 20 Jun 2023; (d) sama ada kegagalan Kementerian Dalam Negeri untuk membekalkan sesalinan rekod keterangan pemohon sebelum pendengaran representasi pemohon adalah suatu pelanggaran perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan; dan (e) sama ada wujudnya penafian hak representasi pemohon yang dijamin di bawah perkara 151 Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan 'a fair trial' apabila permohonan pemohon untuk menangguhkan pendengaran representasi bagi membolehkan kehadiran saksi-saksi penting beliau telah ditolak dan pemohon dipaksa untuk meneruskan representasi tanpa kehadiran saksi-saksi tersebut — bekenaan dengan isu ini, pemohon telah menyatakan bahawa permohonan penangguhan telah dibuat oleh peguambelanya semasa pendengaran representasi tersebut namun fakta ini telah dinafikan oleh kedua-dua setiausaha dan pengerusi lembaga penasihat.

Diputuskan, membenarkan permohonan pemohon untuk pengeluaran writ habeas corpus dan melepaskan dan membebaskan pemohon dengan serta merta:

(1) Walaupun s 6(1) Akta 316 tidak memperuntukkan tempoh masa untuk TMDN mengeluarkan perintah tahanan tersebut ke atas pemohon, namun mahkamah berpendapat bahawa di bawah peruntukan tersebut, seseorang Menteri seharusnya membuat keputusan dengan seberapa segera yang mungkin. Mahkamah mendapati bahawa s 54(2) Akta 388 adalah terpakai kerana jika tidak, hak-hak seseorang tahanan/pemohon akan lebih diprejudiskan dalam ketiadaan peruntukan yang sama dalam s 6 Akta 316 sepertimana yang tertera di bawah peruntukan ss 3(3) dan 5(4) Akta 316. Berkenaan dengan ini, tidak wujudnya isu pihak mahkamah mencipta undang-undang atau peraturan kerana selama ini, mahkamah hanya berperanan mentafsirkan dan menggunapakai undang-undang yang diperuntukkan di bawah s 6 Akta 316. Sememangnya, TMDN tidak dijangka mengeluarkan perintah tahanan

tersebut serta merta selepas penerimaan laporan-laporan di bawah ss 3(3) dan 5(4) Akta 316. Namun, kelewatan selama 17 hari adalah dianggap 'excessive' lebih-lebih lagi tanpa apa-apa penjelasan yang diberikan bagi kelewatan tersebut (lihat perenggan 39–40, 47, 52–53 & 55).

(2) Pegawai siasatan hanya mengambil masa beberapa jam sahaja pada 20 Jun 2023 untuk menjalankan inkuiri terhadap pemohon dan tiada apa-apa inkuiri lanjutan dijalankan bagi kes pemohon selepas 20 Jun 2023. Ini membawa kepada inferens bahawa seawal 21 Jun 2023, laporan bertulis pegawai siasatan sudah boleh disiapkan. Lebih daripada lima hari telah berlalu sebelum pegawai siasatan mengemaskini fail pemohon pada 26 Jun 2023. Akan tetapi, tempoh masa tersebut telah digunakan oleh pegawai siasatan untuk menjalankan siasatan inkuiri bagi kes-kes lain. Oleh itu, mahkamah membuat dapatan bahawa laporan bertulis di bawah s 5(4) Akta 316 gagal disediakan dan diserahkan kepada pihak Menteri dalam tempoh kesegeraan yang praktis sepertimana diperuntukkan di bawah s 54(2) Akta 388 (lihat perenggan 63–67).

(3) Memandangkan isu ketiadaan jurubahasa Tamil telah dibangkitkan dalam hujahan pemohon, ini jelas menunjukkan bahawa pemohon tidak mempunyai apa-apa pengetahuan tentang kewujudan apa-apa kesalahan pengkeranian terhadap tarikh tersebut. Oleh itu, adalah tidak adil sekiranya permohonan responden di bawah kandungan 28 dibenarkan memandangkan pembetulan yang dikatakan ekoran kesalahan pengkeranian terhadap tarikh tersebut, menyentuh tentang salah satu isu penting dalam permohonan notis usul ini. Oleh yang demikian, mahkamah menolak permohonan responden di bawah kandungan 28 (lihat perenggan 84–86).

(4) Memandangkan kandungan 28 telah ditolak, maka wujud percanggahan keterangan-keterangan dalam afidavit jawapan pegawai siasatan ('kandungan 17') dan kandungan 14. Menurut kandungan 17, pegawai siasatan telah mengambil keterangan daripada pemohon pada 20 Jun 2023 dengan kehadiran seorang jurubahasa Tamil iaitu Sjn Mejar Suresh Rao. Manakala, Sjn Mejar Suresh Rao menyatakan dalam kandungan 14 bahawa beliau telah bertindak sebagai seorang jurubahasa Tamil kepada pemohon pada 26 Jun 2023. Ekoran percanggahan keterangan tersebut, maka inferens yang lebih memihak kepada pemohon iaitu, inkuiri terhadap pemohon telah dibuat tanpa kehadiran seorang jurubahasa Tamil, harus diterimapakai. Ketiadaan seorang jurubahasa Tamil ini telah menjejaskan kandungan laporan lengkap pegawai siasatan di bawah s 5(4) Akta 316 memandangkan keterangan pemohon merupakan salah satu keterangan yang terkandung dalam laporan berkenaan. Dalam pada itu, kesan reaksi berantai ('chain reaction') ekoran penjejasan laporan tersebut adalah perintah tahanan tersebut yang dikeluarkan terhadap pemohon juga adalah defektif (lihat perenggan 71, 87 & 89).

(5) Tiada keterangan dalam afidavit pegawai siasatan bahawa beliau telah menurunkan keterangan lisan dari pemohon ke dalam bentuk bertulis. Memandangkan pegawai siasatan hanya mengambil keterangan pemohon secara lisan, persoalan yang timbul adalah sama ada keterangan pemohon dinyatakan dalam laporannya di bawah s 5(4) Akta 316. Sekiranya ada dinyatakan, maka memandangkan pegawai siasatan hanya mengambil keterangan secara lisan pada 20 Jun 2023 dan beliau hanya mengemaskini fail pemohon enam hari kemudian di mana dalam tempoh enam hari tersebut beliau juga telah menjalankan inkuiri-inkuiri bagi fail-fail lain, keraguan akan timbul tentang kebenaran, ketepatan atau kejituan ('accuracy') keterangan pemohon yang diambilnya itu. Bak kata pepatah Cina, 'the faintest of ink is more powerful than the strongest memory'. Sebaliknya, sekiranya keterangan secara lisan pemohon tidak dinyatakan dalam laporan tersebut, ini akan berjumlah kepada penafian hak pemohon untuk membela dirinya melalui keterangan yang diberikannya itu dan seterusnya berjumlah kepada pelanggaran keadilan asasi ('breach of natural justice'), khasnya hak untuk didengar ('the right to be heard'). Oleh itu, berpandukan kepada prinsip 'equality of arms' dan nas undang-undang yang dinyatakan, hak pemohon telah diprejudiskan dan dinafikan. Maka mahkamah mendapati isu keempat pihak pemohon adalah bermerit (lihat perenggan 97–102 & 106).

(6) Mahkamah mendapati bahawa: (a) memandangkan wujud dua versi yang dikemukakan tentang adakah sebenarnya permohonan penangguhan dibuat oleh pemohon, maka adalah wajar minit-minit prosiding lembaga penasihat dikemukakan dan kegagalan berbuat demikian telah membangkitkan inferens menentang di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950; (b) dakwaan penafian hak serta dakwaan pemohon telah diprejudiskan ekoran ketidakpatuhan tatacara semasa pendengaran representasi berada di dalam rangkuman proviso s 11C(1) Akta 316; dan (c) alasan bagi penolakan permohonan penangguhan pendengaran bahawa tempoh tiga bulan hampir tamat adalah tidak munasabah kerana permohonan lanjutan masa boleh dibuat kepada YDPA di bawah perkara 151(1)(b) Perlembagaan Persekutuan serta s 10(1) Akta 316. Berdasarkan huraian-huraian di atas, mahkamah mendapati bahawa pemohon telah dinafikan hak-haknya apabila beliau tidak dapat memanggil saksi-saksi material untuk menyokong representasinya dan/atau pembelaannya dan/atau membuktikan ketakbersalahannya di hadapan lembaga penasihat (lihat perenggan 115, 118, 121 & 123–125).

[English summary

On 13 July 2023, the Deputy Minister of Home Affairs, Malaysia ('DMHA/first respondent') issued a detention order under s 6(1) of the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 ('Act 316') against

A the applicant for a period of two years commencing on 13 July 2023 ('the detention order'). The advisory board subsequently heard the applicant's representations and made recommendations to the Yang di-Pertuan Agong ('the YDPA'). Having considered the recommendations, the YDPA granted on 3 October 2023 the continuation of the detention order. Aggrieved by the B continuation of the detention order, the applicant filed the present application for a writ of habeas corpus. The issues to be decided by the court were: (a) whether there was non-compliance with the provisions under s 6(1) of Act 316 read with s 54(2) of the Interpretation Acts 1948 and 1967 ('Act 388') due to the 17-day delay by DMHA in issuing the detention order against the C applicant; (b) whether there was non-compliance with the provisions under s 5(4) of Act 316 read with s 54(2) of Act 388 due to the unreasonable delay of 12 days by the inquiry officer in preparing and submitting his complete report to DMHA; (c) whether there was non-compliance with the provisions under D s 5(2), (3) and (4) of Act 316 when the full report of the inquiry officer was prepared based on the applicant's evidence without the presence of a Tamil interpreter — in relation to this issue, the respondent had applied by way of encl 28 to amend para 5 of the affidavit-in-reply of Sergeant Major Suresh Rao a/l Simancha ('encl 14') whereby the date 26 June 2023 ('the said date') was E amended to 20 June 2023; (d) whether the failure of the Ministry of Home Affairs to provide a copy of the applicant's record of evidence prior to the hearing of the applicant's representation was a breach of art 151(1)(a) of the Federal Constitution; and (e) whether there was a denial of the applicant's right to representation guaranteed under art 151 of the Federal Constitution to F obtain 'a fair trial' when the applicant's application to adjourn the representation hearing to allow for the presence of his material witnesses was rejected and the applicant was forced to continue the representation without the presence of those witnesses — in relation to this issue, the applicant stated that an application for adjournment was made by his counsel during the G representation hearing but this fact was denied by both the secretary and the chairman of the advisory board.

Held, allowing the applicant's application for the issuance of a writ of habeas corpus and discharging and acquitting the applicant immediately:

H (1) Although s 6(1) of Act 316 did not provide a time period for the DMHA to issue the detention order on the applicant, the court opined that under the said provision, a Minister should make a decision as soon as possible. The court found that s 54(2) of Act 388 was applicable because otherwise, the rights of a detainee/applicant would be further prejudiced I in the absence of a similar provision in s 6 of Act 316 as set out under the provisions of ss 3(3) and 5(4) of Act 316. In this regard, there was no issue of the court creating law or regulation because so far, the court had only played the role of interpreting and applying the law provided under s 6 of Act 316. Indeed, DMHA was not expected to issue the detention order

immediately after receiving the reports under ss 3(3) and 5(4) of Act 316. However, a delay of seventeen days was considered 'excessive' especially without any explanation given for the delay (see paras 39–40, 47, 52–53 & 55).

(2) The inquiry officer only took a few hours on 20 June 2023 to conduct an inquiry into the applicant and no further inquiry was conducted into the applicant's case after 20 June 2023. This led to the inference that as early as 21 June 2023, the written report of the inquiry officer could have been completed. More than five days had passed before the inquiry officer updated the applicant's file on 26 June 2023. However, that period of time had been used by the inquiry officer to conduct an inquiry into other cases. Therefore, the court found that the written report under s 5(4) of Act 316 failed to be prepared and submitted to the Minister within the practicable period of time as provided for under s 54(2) of Act 388 (see paras 63–67).

(3) Since the issue of the absence of a Tamil interpreter had been raised in the applicant's submissions, it clearly showed that the applicant had no knowledge of the existence of any clerical error in relation to the said date. Therefore, it would be unfair if the respondent's application under encl 28 was allowed given that the alleged amendment due to the clerical error on the said date touched on one of the important issues in the present notice of motion. Accordingly, the court dismissed the respondent's application under encl 28 (see paras 84–86).

(4) Since encl 28 had been dismissed, there was a contradiction in the evidence in the inquiry officer's affidavit in reply ('encl 17') and encl 14. According to encl 17, the inquiry officer took a statement from the applicant on 20 June 2023 in the presence of a Tamil interpreter, namely Sjn Major Suresh Rao. Meanwhile, Sjn Major Suresh Rao stated in encl 14 that he had acted as a Tamil interpreter for the applicant on 26 June 2023. As a result of the contradiction in the evidence, the inference in favour of the applicant, namely, the inquiry against the applicant was made without the presence of a Tamil interpreter, must be accepted. The absence of a Tamil interpreter was detrimental to the content of the inquiry officer's complete report under s 5(4) of Act 316 since the applicant's statement was part of the evidence contained in the report. In the meantime, the chain reaction effect of the flawed report was that the detention order issued against the applicant was also defective (see paras 71, 87 & 89).

(5) There was no evidence in the affidavit of the inquiry officer that he had recorded the applicant's oral statement in writing. Since the inquiry officer only took the applicant's statement orally, the question that arose was whether the applicant's statement was stated in his report under s 5(4) of Act 316. If it was stated, then since the inquiry officer only took

A the applicant's statement orally on 20 June 2023 and he only updated the applicant's file six days later, during which period of six days he also conducted inquiries into other files, doubts would arise regarding the truth, correctness or accuracy of the applicant's statement that he took. As the Chinese saying goes, 'the faintest of ink is more powerful than the B strongest memory'. On the other hand, if the applicant's oral statement was not stated in the report, this would amount to a denial of the applicant's right to defend himself through the statement he gave and thus amounted to a breach of natural justice, especially the right to be heard. Therefore, based on the principle of 'equality of arms' and the C stated legal authorities, the applicant's rights had been prejudiced and denied. The court therefore found that the applicant's fourth issue was meritorious (see paras 97–102 & 106).

(6) The court found that: (a) since there were two versions submitted as to D whether the applicant had in fact made an application for an adjournment, it was appropriate to produce the minutes of the proceedings of the advisory board and the failure to do so raised an adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950; (b) the alleged denial of rights and the applicant's claim that he was prejudiced by the E non-compliance with the procedure during the hearing of the representation fell within the scope of the proviso to s 11C(1) of Act 316; and (c) the grounds for rejecting the application for adjournment of hearing that the three-month period was about to expire were unreasonable as an application for an extension of time could be made to F the YDPA under art 151(1)(b) of the Federal Constitution as well as s 10(1) of Act 316. Based on the above explanations, the court found that the applicant's right was denied when he was unable to call the material witnesses to support his representation and/or defence and/or to prove his innocence before the advisory board (see paras 115, 118, 121 & G 123–125).]

Kes-kes yang dirujuk

Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2020] 1 MLJ H 351; [2020] 1 CLJ 747, MP (dirujuk)

Hock Hua Bank Bhd v Leong Yew Chin [1987] 1 MLJ 230; [1987] CLJ Rep 126, MR (dirujuk)

Hong Leong Finance Bhd v Sinmahtat Construction Sdn Bhd & Ors [2007] 3 CLJ 148, MT (dirujuk)

I *Khairul Azilan bin Talib v Menteri Dalam Negeri & Ors* [2023] MLJU 1518, MT (dirujuk)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2005] 2 MLJ 631; [2005] 3 CLJ 914, MT (dibeza)

Mohammad Azanul Haqimi bin Tuan Ahmad Azahari v Timbalan Menteri

Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2019] MLJU 737; [2019] 8 CLJ 465, MP (dirujuk)
Muhammad Redzuan bin Omar v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor [2022] 5 MLJ 611; [2023] 2 CLJ 859, MP (dirujuk)
N Ramakrishnan a/l P Nagasamy v Timbalan Menteri Keselamantan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2008] 8 MLJ 680; [2008] 7 CLJ 480, MT (dibeza)
Ng Hee Thoong & Anor v Public Bank Bhd [1995] 1 MLJ 281, MR (dirujuk)
Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47, MA (dirujuk)
Phua Hing Lai v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors and other appeals [1990] 1 MLJ 173, MA (dirujuk)
Rovin Joty a/l Kodeeswaran v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors and other appeals [2021] 2 MLJ 822, MP (dirujuk)
SK Tangakaliswaran a/l Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 1 MLJ 149; [2009] 6 CLJ 705, MP (dirujuk)
Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor v Awang Sari bin Lasikan (05(HC)-69–04 Tahun 2021 (B)) (tidak dilaporkan), MP (dirujuk)
Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases [2021] 3 MLJ 759; [2021] 5 CLJ 581, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 3(1), (2)(a), (2)(b), (2)(c), (3), 5(3), (4), 6, 6(1), 10(1), (2), 11C, 11C(1), 11D
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 54(2)
Perlembagaan Persekutuan perkara 151, 151(1)(a), (1)(b)

Jayarubiny Jayaraj (Jay & Jay) bagi pihak pemohon.
Nurul Huda bt Mohd Salehuddin (Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Wendy Ooi PK:

PENGENALAN

[1] Pada 29 Mac 2024, Thineswaran a/l Rajandren ('pemohon') telah memfailkan permohonan untuk satu writ habeas corpus melalui notis usul (kandungan 1) yang disokong oleh afidavit sokongan pemohon yang diikrarkan pada 13 Februari 2024 (kandungan 2) ke atas penahanannya berikutan perintah tahanan bertarikh 13 Julai 2023 untuk tempoh selama dua tahun mulai dari 13 Julai 2023.

[2] Pada 21 Mei 2024, pihak responden-responden pula telah memfailkan 13 afidavit jawapan yang telah diikrarkan oleh deponen-deponen berikut:

(a) Datuk Seri Dr Shamsul Anuar bin Nasarah selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia (kandungan 5);

(b) Mohd Yusof bin Harun (kandungan 6);

(c) Azrul Harifiz bin Azman selaku Setiausaha Lembaga Penasihat (kandungan 7);

(d) Aslina bt Joned selaku Pengerusi Lembaga Penasihat (kandungan 8);

(e) Muhamad Imzamri bin Bahadun (kandungan 9);

(f) Asisten Komisioner Polis Shahidi bin Abdullah (kandungan 10);

(g) Asisten Superintenden Polis Govindasamy a/l Ramasamy (kandungan 11);

(h) Deputi Superintenden Inspektor Polis Abdul Halim bin Ishak (kandungan 12);

(i) Sarjan Toorairajan a/l Virasinggam (kandungan 13);

(j) Sarjan Mejar Suresh Rao a/l Simancha (kandungan 14);

(k) Hussin bin Kamdol (kandungan 15);

(l) Muhammad Habibullah bin Mohammad Shah selaku pegawai siasatan (kandungan 17); dan

(m) Insp Polis Zam Hadzrami bin Musa (kandungan 18).

[3] Ini disusuli dengan tiga afidavit balasan pemohon yang diikrarkan oleh:

(a) pemohon pada 29 Mei 2024 (kandungan 19) dan difailkan pada 7 Jun 2024;

(b) Jayanthi a/p Subramaniam pada 20 Jun 2024 (kandungan 20) dan difailkan pada 21 Jun 2024; dan

(c) Ananth a/l Sathivel pada 20 Jun 2024 (kandungan 21) dan difailkan pada 21 Jun 2024.

[4] Sebagai membalas afidavit-afidavit balasan pemohon, pihak responden telah memfailkan dokumen-dokumen berikut pada 9 Julai 2024:

(a) afidavit balasan Aslina bt Joned (kandungan 23); dan

(b) afidavit balasan Inspektor Polis Zam Hadzrami bin Musa (kandungan 24).

[5] Pihak pemohon telah memfailkan hujahan bertulis pemohon pada 12 Ogos 2024 dan ikatan otoriti pemohon pada 16 Ogos 2024.

[6] Pada 27 Ogos 2024, pihak responden telah memfailkan permohonan untuk memfailkan afidavit di luar tempoh masa melalui notis permohonan (kandungan 28) yang disokong oleh afidavit sokongan (kandungan 29). A

[7] Pada 29 Ogos 2024, pihak responden telah memfailkan hujahan balasan responden-responden dan ikatan otoriti responden-responden. B

[8] Berkaitan dengan permohonan di bawah kandungan 28, pada 4 September 2024 pihak pemohon telah memfailkan afidavit jawapan (kandungan 33) bagi membantah permohonan tersebut. C

[9] Ini diikuti dengan pemfailan afidavit balasan responden (kandungan 35) serta hujahan ringkas responden-responden dan ikatan otoriti responden-responden bagi permohonan di bawah kandungan 28 pada 19 September 2024. D

[10] Dalam pada itu, setelah mendengar dan membaca penghujahan-penghujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini telah membenarkan permohonan pemohon untuk writ habeas corpus dikeluarkan dan pemohon dilepaskan dan dibebaskan serta merta. E

LATARBELAKANG KES

[11] Pemohon telah ditangkap pada 31 Mei 2023 jam 8.30 pagi di bawah s 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta tersebut)'. F

[12] Pada 1 Jun 2023 jam 8.20 pagi, inspektor polis Insp Polis Zam Hadzrami bin Musa telah memberikan kebenaran untuk pemohon ditahan selama lebih daripada 24 jam selaras dengan kehendak s 3(2)(a) Akta tersebut. G

[13] Pada 2 Jun 2023 jam 8.20 pagi, Asisten Superintenden Polis Govindasamy a/l Ramasamy telah memberikan kebenaran untuk pemohon ditahan selama lebih daripada 48 jam selaras dengan kehendak s 3(2)(b) Akta tersebut. H

[14] Pada 8 Jun 2023, Asisten Komisioner Polis Shahidi bin Abdullah telah memberikan kebenaran untuk pemohon ditahan selama lebih daripada 14 hari selaras dengan kehendak s 3(2)(c) Akta tersebut. I

[15] Pada 16 Jun 2023, menurut s 3(3) Akta tersebut, Insp Polis Zam Hadzrami bin Musa selaku pegawai penyiasat polis telah mengemukakan laporan lengkap penyiasatan kepada Menteri Dalam Negeri ('Menteri') dan

pegawai siasatan Kementerian Dalam Negeri.

[16] Pada 20 Jun 2023 jam 12.30 tengah hari, pegawai siasatan Muhammad Habibullah bin Mohammad Shah telah menjalankan siasatan fizikal ke atas pemohon dan empat saksi-saksi lain bagi kes pemohon.

[17] Pada 27 Jun 2023, menurut s 5(4) Akta tersebut, pegawai siasatan Muhammad Habibullah bin Mohammad Shah telah mengemukakan laporan bertulis kepada Menteri.

[18] Pada 13 Julai 2023, menurut s 6(1) Akta tersebut, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar bin Nasarah selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia (responden pertama) telah mengeluarkan perintah tahanan terhadap pemohon ('perintah tahanan tersebut').

[19] Berdasarkan kepada perintah tahanan tersebut, pemohon ditahan selama dua tahun mulai dari 13 Julai 2023 di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak ('PPA Perak').

[20] Pada 13 Julai 2023 jam 10.15 malam, pemohon telah diserahkan dengan perintah tahanan tersebut.

[21] Pada 19 September 2023, Lembaga Penasihat telah mendengar representasi pemohon terhadap perintah tahanan tersebut.

[22] Seterusnya di atas pengesyoran Lembaga Penasihat pada 26 September 2023, Yang di-Pertuan Agong ('YDPA') telah mempertimbangkan syor tersebut dan memperkenankan pada 3 Oktober 2023 agar perintah tahanan tersebut diteruskan.

[23] Terkilan dengan penerusan perintah tahanan tersebut, pemohon telah memfailkan permohonan untuk writ habeas corpus di mahkamah ini.

UNDANG-UNDANG MENGENAI HABEAS CORPUS

[24] Apakah yang dimaksudkan dengan 'habeas corpus'? Sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 MLJ 351; [2020] 1 CLJ 747 Mohd Zawawi Salleh HMP telah menyatakan:

> [7] The term habeas corpus refers most commonly to a specific writ known in full as 'habeas corpus ad subjiciendum', a prerogative writ ordering that a prisoner be brought to the court so that it can be determined whether or not the prisoner is being imprisoned lawfully. Put simply, a writ of habeas corpus is a challenge to the

legality of a prisoner's detention. The words 'habeas corpus' is a Latin law term. Its literal English translation is: 'you have the body'. A

[25] Remedi *writ habeas corpus* ini adalah diperuntukkan di bawah ss 11C dan 11D Akta tersebut sebagaimana dinyatakan semula di bawah ini: B

11C (1) Maka tidaklah boleh diadakan apa-apa kajian semula kehakiman dalam mana-mana mahkamah akan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai atau menjalankan apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri pada menjalankan kuasa menurut budi bicara mereka mengikut Akta ini, kecuali mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara di bawah Akta ini yang mengawal selia tindakan atau keputusan itu. C

(2) Kekecualian mengenai apa-apa soalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara dalam subseksyen (1) tidaklah terpakai jika alasan adalah seperti yang diperihalkan dalam seksyen 6A. D

11D Tafsiran 'kajian semula kehakiman'

Dalam Akta ini, 'kajian semula kehakiman' termasuklah prosiding yang dimulakan dengan cara —

(a) ... E

(b) ...

(c) *writ habeas corpus*; dan

(d) ...

F

[26] Dalam pada itu, apabila seseorang tahanan membangkitkan isu-isu ketidakpatuhan penggunaan undang-undang berkaitan Akta tersebut yang berjumlah kepada ketidaksahan perintah tahanan, maka beban untuk membuktikan perintah tahanan berkenaan adalah sah adalah terletak di atas bahu pihak kuasa menahan ('detaining authority') sebagaimana yang diputuskan dalam *SK Tangakaliswaran a/l Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 1 MLJ 149; [2009] 6 CLJ 705. G

[27] Di dalam permohonan *habeas corpus,* seseorang pemohon adalah berhak untuk mengambil kesempatan daripada sebarang kecacatan teknikal bagi tujuan membuat/menyebabkan perintah tahanan tersebut menjadi tidak sah. H

[28] YAA Wan Yahya HMA dalam *Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor* [1994] 3 MLJ 285; [1994] 4 CLJ 47 telah menyentuh tentang isu ini di ms 294 (MLJ); ms 55 (CLJ): I

[I]n cases of this nature the appellant is nevertheless entitled to take advantage of any technical imperfection which has the effect of invalidating the restrictive order;

A or to use the precise words of Regby J in *Ex Parte Johannes Choeldi & Ors* [1960] 1 MLJ 184 at p 186:

> The distinction, no doubt, is a highly artificial one. *But this is an application for a writ of habeas corpus, and the applicants in matters which concern their personal liberty, are entitled to avail themselves of any technical defects which may invalidate the order which deprives them of that liberty.* (Penekanan ditambah.)

B

[29] Selanjutnya, permohonan untuk writ habeas corpus ini adalah berdasarkan keterangan-keterangan melalui afidavit-afidavit. Oleh itu, C kegagalan mana-mana pihak untuk menyangkal isu-isu yang dibangkitkan dalam afidavit-afidavit akan disifatkan sebagai suatu pengakuan olehnya tentang fakta yang ditegaskan itu.

[30] Ini adalah bersandarkan kepada kes Mahkamah Rayuan dalam *Ng Hee* D *Thoong & Anor v Public Bank Bhd* [1995] 1 MLJ 281 di mana telah diputuskan bahawa:

> Now, it is a well settled principle governing the evaluation of affidavit evidence that where one party makes a positive assertion upon a material issue, the failure of his E opponent to contradict it is usually treated as an admission by him of the fact so asserted: *Alloy Automotive Sdn Bhd v Perusahaan Iron field Sdn Bhd* [1986] 1 MLJ 382; *Overseas Investment Pte Ltd v Anthony William O'Brien & Anor* [1988] 3 MLJ 332.

F **[31]** Prinsip yang digariskan dalam *Ng Hee Thoong* telah dirujuk dan disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Rovin Joty a/l Kodeeswaran v Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors and other appeals* [2021] 2 MLJ 822 seperti berikut:

G

> [462] In any event, the appellant had never challenged nor rebutted the averment in the affidavit of Dato' Abdul Razak bin Musa, the Chairman of the Board (appeal records *Jld* 2 p 51 para 2). There was no affidavit in reply by the appellant to rebut the positive averment of the chairman of the Board. Hence, the learned High Court judge deemed it unrebutted by the appellant. *It is trite law that in a trial by affidavit, the court held that such positive assertion is deemed to be admitted by the opponent, if* H *such positive averments is unrebutted.* This court in *Nagaraja a/l Ponusamy v Menteri Dalam Negeri, Malaysia and Others* [2010] MLJU 32; [2010] 4 CLJ 133 (FC) at p 137 held that:
>
> > [3] In the circumstances adumbrated, what approach is the court to adopt? The I answer to this question is well settled by a legion of authorities we find unnecessary to cite. It is this. Where the deponent to an affidavit makes a positive assertion, which is not inherently incredible or inherently improbable, and his opponent in his affidavit does not credibly deny that allegation, a court should accept the former assertion as standing unrebutted. Now apply that test here. (Penekanan ditambah.)

[32] Berbekalkan prinsip-prinsip am serta nas-nas undang-undang yang dinyatakan di atas yang menyentuh tentang writ *habeas corpus,* mahkamah ini akan menimbangkan kesemua lima isu-isu yang dibangkitkan oleh pemohon di dalam kandungan 1.

Isu pertama: Wujudnya ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah s 6(1) Akta tersebut dibaca bersama s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 akibat kelewatan selama 17 hari TMDN dalam mengeluarkan perintah tahanan terhadap pemohon

[33] Dari afidavit jawapan Datuk Seri Dr Shamsul Anuar bin Nasarah (kandungan 5), pihak responden pertama (TMDN) telah menerima laporan-laporan di bawah ss 3(3) dan 5(4) Akta tersebut masing-masing pada 16 Jun 2023 dan 27 Jun 2023. Namun, perintah tahanan tersebut hanya dikeluarkan oleh responden pertama ke atas pemohon pada 13 Julai 2023 iaitu selepas 17 hari dari tarikh penerimaan laporan di bawah s 5(4) Akta tersebut. Tiada alasan yang diberikan ke atas kelewatan tersebut.

[34] Oleh itu, pihak pemohon menghujahkan pihak responden pertama (TMDN) telah mengambil masa selama 17 hari dari tarikh penerimaan laporan-laporan s 3(3) Akta tersebut dan s 5(4) Akta tersebut untuk mempertimbangkan dan mengeluarkan perintah tahanan tersebut ke atas pemohon.

[35] Pihak pemohon turut menghujahkan memandangkan s 6(1) Akta tersebut tidak memperuntukkan sebarang tempoh masa yang diperlukan oleh Menteri dalam mengeluarkan perintah tahanan tersebut ke atas pemohon, maka s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 adalah terpakai. Rujukan juga telah dibuat kepada kes *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 MLJ 351; [2020] 1 CLJ 747 di mana Mahkamah Persekutuan telah menyatakan menurut s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967, apabila tidak dinyatakan tempoh masa untuk sesuatu dilakukan, maka ia perlu dilaksanakan seberapa segera yang mungkin ('with all convenient speed').

[36] Sebagai balasan, pihak responden menghujahkan bahawa pihak pemohon telah terkhilaf apabila merujuk kepada s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 yang menurut kes *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri & Ors* hanya terpakai kepada kes-kes kelewatan pengemukaan laporan lengkap siasatan oleh pegawai penyiasat polis di bawah s 3(3) dan pengawai siasatan KDN di bawah s 5(4) Akta tersebut.

[37] Ini adalah kerana di bawah kedua-dua s 3(3) dan s 5(4) Akta tersebut, terdapat peruntukan yang menyatakan seperti berikut, 'dalam tempoh yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di

bawah Akta ini' ('within such period as may be prescribed by the Minister by regulations under this Act').

[38] Dalam pada itu, pihak responden menghujahkan memandangkan tiada peruntukan sedemikian di bawah s 6(1) Akta tersebut, maka s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 adalah tidak terpakai.

[39] Adalah tidak dinafikan s 6(1) Akta tersebut tidak memperuntukkan tempoh masa untuk responden pertama dalam mengeluarkan perintah tahanan tersebut ke atas pemohon. Biarpun demikian, adalah dapatan mahkamah ini bahawa seseorang Menteri di bawah s 6(1) Akta tersebut seharusnya membuat keputusan dengan seberapa segera yang mungkin.

[40] Peruntukan di bawah kedua-dua ss 3(3) dan 5(4) Akta tersebut, di antara lain, telah menyatakan 'dalam tempoh yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini'. Bagi penafsiran tempoh masa tersebut, s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 adalah terpakai.

[41] Alasan bagi pemakaian s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* di perenggan 67 seperti berikut:

> [67] Section 5(4) of the 1985 Act allows the Minister to prescribe regulations stipulating time but as apparent from the above, the Minister has not done so. We then turned to s 54(2) of the Interpretation Acts 1948 and 1967 which stipulates that *where no time is prescribed* within which anything shall be done, that thing shall be done with all convenient speed and as often as the prescribed occasion requires. *Simply put, for any matter where time has not by law been prescribed, such matter ought to be completed as soon as practicable and without inordinate delay.* (Penekanan ditambah.)

[42] Dalam konteks yang sama, memandangkan s 6(1) Akta tersebut tidak memperuntukkan tempoh masa untuk responden pertama mengeluarkan perintah tahanan ke atas pemohon, maka responden pertama seharusnya membuat keputusan dengan seberapa segera yang mungkin.

[43] Dapatan mahkamah ini adalah selaras dengan dapatan Mahkamah Persekutuan dalam *Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor v Awang Sari bin Lasikan* (05(HC)-69–04 Tahun 2021 (B)) (tidak dilaporkan) yang dirujuk dalam *Khairul Azilan bin Talib v Menteri Dalam Negeri & Ors* [2023] MLJU 1518 di perenggan 11 yang berbunyi sedemikian:

> [11] In the case of *Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor v Awang Sari bin Lasikan* (05(HC)-69–04 of 2021 (B)) (unreported) the Federal Court in its brief grounds of decision held that the deputy minister *must make a decision as*

expeditiously as possible where there are no regulations made on this issue. This is an objective test to be determined by the court. The Federal Court agreed with the ratio decidendi in *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2020] 1 MLJ 351; [2020] 1 CLJ 747. (Penekanan ditambah.)

[44] Dalam pada itu, Mahkamah Tinggi di dalam kes *Khairul Azilan bin Talib v Menteri Dalam Negeri & Ors* telah membenarkan permohonan pemohon ekoran dari kelewatan 19 hari oleh Menteri dalam pengeluaran perintah tahanan.

[45] Selanjutnya, dapatan mahkamah ini bahawa responden pertama seharusnya membuat keputusan dengan seberapa segera yang mungkin juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 yang menyatakan seperti berikut-

54 Computation of time

(1) In computing time for the purposes of any written law —

(a) ...

(b) ...

(c) ...

(d) ...

(2) *Where no time is prescribed within which anything shall be done, that thing shall be done with all convenient speed and as often as the prescribed occasion arises.* (Penekanan ditambah.)

[46] Pegangan yang sama ini dapat dilihat daripada keputusan Mahkamah Agong dalam *Phua Hing Lai v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors and other appeals* [1990] 1 MLJ 173 yang menyatakan seperti berikut:

It can immediately be observed that there is no time frame given in s 3(i) of the enactment. Since no time is prescribed, then, according to s 38 of the Interpretation and General Clauses Ordinance 1948(similar provision also found in s 54(2) of the Interpretation Act 1967), then anything which shall be done shall be done with all convenient speed.

[47] Justeru itu, adalah dapatan mahkamah ini bahawa s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 adalah terpakai. Lebih-lebih lagi, sekiranya s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 tidak terpakai, bukankah hak-hak seseorang tahanan/pemohon akan lagi diprejudiskan dalam ketiadaan peruntukan yang sama dalam s 6 Akta tersebut sepertimana yang tertera di bawah peruntukan di bawah kedua-dua ss 3(3) dan 5(4) Akta?

[48] Pihak responden turut menghujahkan bahawa responden pertama tidak dikehendaki untuk segera dan serta merta membuat keputusan di bawah s 6 Akta tersebut. Ini adalah kerana beliau perlu mengambil masa yang sesuai untuk mempertimbangkan laporan-laporan berkanun untuk memuaskan dirinya tentang keperluan untuk mengeluarkan sebarang perintah terhadap pemohon dan tidak wajar diikat untuk memberikan justifikasi kerana kepuasan hati merupakan suatu perkara yang subjektif. Kes-kes *N Ramakrishnan a/l P Nagasamy v Timbalan Menteri Keselamantan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2008] 8 MLJ 680; [2008] 7 CLJ 480 telah dirujuk bagi menyokong hujahannya.

[49] Adalah dapatan mahkamah ini bahawa kes *N Ramakrishnan P Nagasamy v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* yang dirujuk dapat dibezakan disebabkan pihak pemohon tidak menghujahkan responden pertama perlu membuat keputusan serta merta setelah menerima laporan-laporan berkenaan. Seterusnya, kes tersebut juga dapat dibezakan dari segi fakta kes.

[50] Dalam kes *N Ramakrishnan P Nagasamy v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors*, hanya terdapat kelewatan selama empat hari memandangkan laporan-laporan di bawah ss 3(3) dan 5(4) Akta tersebut masing-masing diterima oleh Menteri pada 18 Julai 2006 dan 2 Ogos 2006 (hari Rabu) manakala perintah tahanan dikeluarkan pada 6 Ogos 2006 (hari Ahad). Dalam ertikata lain, perintah tahanan telah dikeluarkan selepas dua (2) hari bekerja. Oleh itu, Mahkamah Tinggi dalam kes tersebut telah memutuskan tiada ketidakpatuhan dalam peruntukan s 6 Akta tersebut memandangkan tiada keperluan untuk Menteri membuat keputusan serta merta selepas menerima laporan-laporan.

[51] Sebagai bandingan, dalam permohonan ini, laporan-laporan di bawah ss 3(3) dan 5(4) Akta tersebut masing-masing diterima oleh responden pertama pada 16 Jun 2023 dan 27 Jun 2023 (hari Selasa) manakala perintah tahanan tersebut dikeluarkan pada 13 Julai 2023 (hari Khamis). Dalam ertikata lain, perintah tahanan tersebut telah dikeluarkan selepas 13 hari bekerja berbanding dengan dua hari bekerja dalam kes *N Ramakrishnan P Nagasamy v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors*.

[52] Sememangnya, responden pertama tidak dijangka mengeluarkan perintah tahanan tersebut serta merta selepas penerimaan laporan-laporan di bawah ss 3(3) dan 5(4) Akta tersebut. Namun, kelewatan selama 17 hari adalah dianggap *excessive* lebih-lebih lagi tanpa apa-apa penjelasan yang diberikan bagi kelewatannya itu.

[53] Oleh itu, tanpa apa-apa penjelasan, maka adalah dianggap tiada alasan bagi kelewatan berkenaan. Rujukan adalah dibuat kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri & Ors* khasnya di perenggan 68 yang menyatakan seperti berikut:

> [68] As the burden to prove the detention was lawful lies on the detaining authority, whether the report was completed with convenient speed or without inordinate delay remains a matter for the detaining authority ie, the respondents, to establish. It is trite that where there is delay on the part of the respondents to complete the report with 'convenient speed', it is incumbent upon the respondents to discharge the burden of proffering a satisfactory explanation for the delay. Thus, as we have alluded to earlier, *if there is no explanation given, the court will assume that there are no reasons.* (Penekanan ditambah.)

[54] Selanjutnya, pihak responden turut menghujahkan tidak sepertimana ss 3(3) dan 5(4) Akta tersebut yang memberikan mandat kepada Menteri untuk menetapkan tempoh masa pengemukaan laporan pegawai berkanun di bawah Akta tersebut, peraturan-peraturan sedemikian tidak wujud di bawah s 6 Akta tersebut. Oleh itu, sekiranya tiada keperluan prosedur di bawah s 6 Akta tersebut, maka bukan peranan Mahkamah untuk mencipta undang-undang atau peraturan. Kes Mahkamah Persekutuan *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2005] 2 MLJ 631; [2005] 3 CLJ 914 telah dirujuk bagi menyokong penghujahannya.

[55] Berkaitan hujahan ini, adalah dapatan mahkamah ini bahawa tidak wujudnya isu pihak mahkamah mencipta undang-undang atau peraturan. Selama ini pihak mahkamah hanya berperanan mentafsirkan dan menggunapakai undang-undang yang diperuntukkan di bawah s 6 Akta tersebut. Dalam pada itu, kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* dapat dibezakan sama sekali.

[56] Berdasarkan kepada huraian-huraian di atas, isu pertama pihak pemohon adalah bermerit.

Isu kedua: Wujudnya ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah s 5(4) Akta tersebut dibaca bersama peruntukan s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 akibat kelewatan yang tidak munasabah selama 12 hari oleh pegawai siasatan dalam menyediakan dan mengemukakan laporan lengkap beliau kepada TMDN

[57] Pihak pemohon telah menghujahkan pegawai siasatan langsung tidak perlu mengambil masa 12 hari untuk menyediakan laporan lengkap bertulis bagi kes pemohon terutamanya apabila siasatan terhadap pemohon dan saksi-saksi lain telah dilengkapkan dalam tenpoh masa satu hari iaitu 20 Jun

2023. Turut dihujahkan alasan-alasan yang diberikan tidak menjustifikasikan kelewatan tersebut malah adalah keterlaluan, tidak munasabah dan tidak kredibel.

[58] Pihak responden pula telah menghujahkan tiada ketidakpatuhan prosedur oleh pegawai siasatan disebabkan:

(a) keterangan yang diberikan oleh pegawai siasatan KDN adalah kredible dan tempoh masa yang diambil juga adalah munasabah;

(b) pegawai siasatan telah menyenaraikan tugas-tugas dan tindakan yang diambil sepanjang tempoh tersebut yang bersifat pentadbiran serta berkait rapat dengan kes pemohon sendiri; dan

(c) proses siasatan bukan sahaja melibatkan rakaman percakapan pemohon dan saksi-saksi tetapi terdapat juga tugasan lain yang termasuk dalam proses siasatan yang perlu diambil kira dan dilaksanakan bagi memuktamadkan siasatan ke atas kes pemohon.

[59] Menurut perenggan 10 afidavit jawapan Muhammad Habibullah bin Mohammad Shah (kandungan 17) selaku pegawai siasatan di dalam permohonan ini, beliau telah menerima laporan di bawah s 3(3) Akta tersebut pada 16 Jun 2023. Namun beliau hanya dapat menjalankan inkuiri terhadap pemohon dan empat saksi-saksi bagi kes pemohon pada 20 Jun 2023 dan laporan bertulis di bawah s 5(4) Akta tersebut hanya dikemukakan pada 27 Jun 2023.

[60] Alasan-alasan kelewatan 12 hari ini dinyatakan dalam perenggan 10(e)(i)–(x) kandungan 17.

[61] Dari pengamatan alasan-alasan tersebut, berikutan adalah dapatan mahkamah ini.

[62] Garis masa tindakan pegawai siasatan adalah sepertimana dinyatakan oleh beliau di dalam perenggan 10(e)(i)–(x) kandungan 17 dan dikemukakan semula di bawah ini demi kemudahan rujukan dan pemahaman:

> 10(e) Secara terperinci, saya sesungguhnya ingin menyatakan seperti berikut:
>
> (i) Pada 16–06–2023, Pejabat saya telah menerima laporan lengkap penyiasatan berkaitan dengan Pemohon yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat Polis yang membuat siasatan menurut seksyen 3(3) Akta tersebut. Saya juga menyemak dan meneliti fail kes Pemohon bagi merangka strategi siasatan saya untuk persediaan menjalankan siasatan;
>
> (ii) Pada 17–06–2023 dan 18–06–2023, adalah hari Sabtu dan Ahad yang merupakan cuti umum bagi Putrajaya;

(iii) Pada 19–06–2023, saya telah menjalankan inkuiri bagi kes lain di Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, Selangor dan Penjara Sungai Buioh, Selangor;

(iv) *Pada 20–06–2023 jam 12.30 tengah hari, jam 1.30 petang, jam 2.30 petang, jam 3.00 petang dan 3.30 petang, saya telah menjalankan inkuiri terhadap Pemohon dan ke atas empat (4) saksi-saksi bagi kes Pemohon secara bersumpah dan berasingan di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang;*

(v) Pada 21–06–2023, saya telah menjalankan inkuiri bagi kes lain di Ibu Pejabat Penjara Jawi Pulau Pinang *sehingga lewat petang*;

(vi) Pada 22–06–2023, saya telah menjalankan inkuiri bagi kes lain di Ibu Pejabat PPA Batu Gajah, Perak *sehingga lewat petang*;

(vii) Pada 23–06–2023, saya telah menjalankan inkuiri bagi kes lain di Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah dan Penjara Sungai Udang, Melaka;

(viii) Pada 24–06–2023 dan 25–06–2023, adalah hari Sabtu dan Ahad yang merupakan cuti umum bagi Putrajaya;

(ix) Pada *26–06–2023*, saya berada di pejabat bagi *mengemaskini fail kes Pemohon* berdasarkan keterangan-keterangan yang telah saya perolehi daripada saksi-saksi Pemohon;

(x) Pada 27–06–2023, saya telah *mendrafkan laporan bertulis* kes Pemohon dan telah memuktamadkan serta *mengemukakan laporan bertulis* kes Pemohon yang telah disediakan di bawah Seksyen 5(4) Akta tersebut kepada Menteri Dalam Negeri. (Penekanan ditambah.)

[63] Maka dari garis masa di atas, adalah jelas pegawai siasatan hanya mengambil masa beberapa jam sahaja pada 20 Jun 2023 untuk menjalankan inkuiri terhadap pemohon dan ke atas empat saksi-saksi bagi kes pemohon.

[64] Secara maksima, hanya lima jam telah digunakan bagi tujuan inkuiri tersebut disebabkan inkuiri pertama bermula pada 12.30 tengah hari manakala yang kelima (terakhir) bermula pada 3.30 petang. Memandangkan, ketiadaan keterangan bahawa inkuiri telah berlangsung sehingga lewat petang sepertimana yang dinyatakan dalam perenggan 10(e)(v) dan (vi), maka adalah selamat untuk menganggap inkuiri tamat dalam waktu pejabat.

[65] Seterusnya, selepas empat hari bekerja iaitu pada 26 Jun 2023, pegawai siasatan mengemaskini fail kes pemohon berdasarkan keterangan-keterangan yang beliau perolehi daripada saksi-saksi pemohon. Tiada apa-apa inkuiri lanjutan dijalankan bagi kes pemohon selepas 20 Jun 2023.

[66] Dalam pada itu, ini membawa kepada inferens bahawa seawal 21 Jun 2023, laporan bertulis pegawai siasatan sudah boleh disiapkan. Lebih daripada

A lima hari telah berlalu sebelum pegawai siasatan mengemaskini fail pemohon pada 26 Jun 2023. Akan tetapi, tempoh masa tersebut telah digunakan oleh pegawai siasatan untuk menjalankan siasatan inkuiri bagi kes lain.

B **[67]** Oleh itu, adalah dapatan mahkamah ini bahawa laporan bertulis di bawah s 5(4) Akta tersebut gagal disediakan dan diserahkan kepada pihak Menteri dalam tempoh kesegaraan yang praktis sepertimana diperuntukkan di bawah s 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967.

C **[68]** Berdasarkan kepada huraian-huraian di atas, isu kedua pihak pemohon adalah juga bermerit.

Isu ketiga: Wujudnya ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah s 5(2), 5(3) dan 5(4) Akta tersebut apabila laporan lengkap pegawai siasatan telah disediakan
D *berdasarkan kepada keterangan pemohon tanpa kehadiran seorang jurubahasa Tamil*

[69] Pihak pemohon telah menghujahkan bahawa siasatan inkuiri oleh pegawai siasatan terhadap pemohon dibuat tanpa kehadiran seorang
E jurubahasa Tamil. Ini telah memprejudiskan pemohon memandangkan beliau tidak fasih dalam Bahasa Malaysia kerana langsung tidak pernah ke sekolah. Malah pemohon juga telah memohon kepada pegawai siasatan untuk bertutur dalam Bahasa Tamil dan memohon khidmat seorang jurubahasa Tamil.

F **[70]** Bagi menyokong penghujahan ini, pihak pemohon telah merujuk kepada percanggahan di antara keterangan pegawai siasatan dalam afidavitnya (kandungan 17) dengan keterangan Sjn Mejar Suresh Rao a/l Simancha (kandungan 14), khasnya mengenai penggunaan seorang jurubahasa Tamil semasa inkuiri dibuat terhadap pemohon.

G **[71]** Menurut penghujahan pihak pemohon, di bawah perenggan-perenggan 10(e)(iv) dan 14 kandungan 17, pegawai siasatan telah mengambil keterangan daripada pemohon pada 20 Jun 2023 jam 12.30 tengah hari dengan kehadiran seorang jurubahasa Tamil iaitu Sjn Mejar Suresh Rao a/l
H Simancha. Manakala, menurut Sjn Mejar Suresh Rao a/l Simancha di dalam perenggan 5 afidavit jawapannya (kandungan 14), beliau telah bertindak sebagai seorang jurubahasa Tamil kepada pemohon pada *26 Jun 2023 jam 12.30 tengah hari*.

I **[72]** Pihak pemohon telah menghujahkan ekoran kewujudan percanggahan keterangan-keterangan tersebut, inferens yang lebih memihak kepada pemohon harus diterimapakai (sila lihat *SK Tangakaliswaran a/l Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2010] 1 MLJ 149; [2009] 6 CLJ 705). Dan inferens yang lebih memihak kepada pemohon adalah inkuiri

terhadap pemohon telah dibuat tanpa kehadiran seorang jurubahasa Tamil. Maka siasatan terhadap pemohon tidak dijalankan dengan efektif, sekaligus menjejaskan kandungan laporan lengkap pegawai siasatan di bawah s 5(4) Akta tersebut. Dalam pada itu, adalah dihujahkan perintah tahanan tersebut yang dikeluarkan terhadap pemohon yang berlandaskan laporan tersebut juga adalah defektif dan meragukan.

[73] Berkaitan isu ketiga ini, suatu permohonan telah dibuat oleh pihak responden melalui Notis Permohonan (kandungan 28) pada 27 Ogos 2024. Dalam kandungan 28 ini, pihak responden telah memohon, di antara lain, agar diberikan kebenaran untuk memfailkan satu afidavit pembetulan di luar masa.

[74] Afidavit pembetulan yang dimaksudkan oleh pihak responden adalah merujuk kepada afidavit jawapan Sjn Mejar Suresh Rao a/l Simancha (kandungan 14). Di atas alasan kesalahan pengkeranian yang tidak disengajakan, pihak responden memohon agar pindaan dibuat dalam perenggan 5 kandungan 14 di mana tarikh 26 Jun 2023 dipinda ke 20 Jun 2023.

Notis permohonan (kandungan 28)

[75] Bagi menyokong kandungan 28, pihak responden telah memfailkan afidavit sokongan (kandungan 29) yang mengutarakan dua alasan utama iaitu:

(a) terdapat kesalahan pengkeranian terhadap tarikh; dan

(b) isu fakta ini tidak pernah dibangkitkan oleh pemohon dalam afidavit balasannya.

[76] Melalui afidavit jawapannya (kandungan 33), pihak pemohon telah membantah sekeras-kerasnya permohonan pihak responden ini berdasarkan alasan-alasan berikut:

(a) pliding kes telah ditutup pada 9 Julai 2024 di atas persetujuan kedua-dua pihak;

(b) hujahan pemohon yang mengandungi isu-isu telah diemelkan kepada pihak responden pada 12 Ogos 2024 dan difailkan di mahkamah pada 19 Ogos 2024;

(c) kandungan 28 hanya difailkan pada 27 Ogos 2024; dan

(d) isu prejudis kepada pemohon sekiranya permohonan pihak responden dibenarkan.

A **[77]** Daripada pengamatan fakta-fakta yang dikemukakan, notis permohonan (kandungan 28) untuk kebenaran memfailkan afidavit pembetulan Sjn Mejar Suresh Rao a/l Simancha dibuat oleh pihak responden pada 27 Ogos 2024. Hujahan pihak pemohon telah diemelkan kepada pihak responden pada 12 Ogos 2024 dan difailkan secara e-filing di mahkamah pada
B hari yang sama. Oleh itu, kandungan 28 telah difailkan selepas pihak responden menerima Hujahan pemohon pada 12 Ogos 2024 yang mana antara isu-isu yang dihujahkan, isu ketiadaan jurubahasa Tamil merupakan salah satu isu yang dibangkitkan oleh pihak pemohon di dalam hujahannya.

C **[78]** Dalam pada itu, ini membawa kepada inferens munasabah bahawa ekoran pembacaan hujahan pihak pemohon, pihak responden telah cuba menyangkal isu ketiadaan jurubahasa Tamil dengan alasan kesalahan pengkeranian terhadap tarikh.

D **[79]** Seandainya permohonan dalam kandungan 28 dibuat sebelum pemfailan hujahan pihak pemohon, maka besar kemungkinan terdapat kebenaran dalam alasan yang diberikan itu.

E **[80]** Pihak responden sepatutnya lebih berhati-hati dalam penyediaan afidavit-afidavit jawapan dan balasan mereka khasnya mengenai isu waktu dan masa. Terutamanya dalam permohonan habeas corpus yang menekankan kepentingan kepatuhan kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut memandangkan ia melibatkan kebebasan seseorang individu.

F **[81]** Dalam pada itu, kes-kes berunsur sivil per se yang dirujuk oleh pihak responden iaitu *Hong Leong Finance Bhd v Sinmahtat Construction Sdn Bhd & Ors* [2007] 3 CLJ 148 dan *Hock Hua Bank Bhd v Leong Yew Chin* [1987] 1 MLJ 230; [1987] CLJ Rep 126 berkaitan pindaan pliding adalah tidak
G terpakai.

[82] Sebaliknya, mahkamah ini ingin merujuk kepada penghakiman YAA Wan Yahya HMA dalam *Ng Hong Choon v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor* yang menyatakan bahawa di dalam permohonan habeas
H corpus, seseorang pemohon adalah berhak untuk mengambil kesempatan daripada sebarang kecacatan teknikal bagi tujuan membuat/menyebabkan perintah tahanan tersebut menjadi tidak sah (sila lihat juga kes *Zaidi bin Kanapiah v ASP Khairul Fairoz bin Rodzuan and other cases* [2021] 3 MLJ 759; [2021] 5 CLJ 581).

I **[83]** Seterusnya, alasan pihak responden bahawa pihak pemohon tidak membangkitkan isu tarikh berkenaan di dalam afidavit balasan pemohon adalah tidak bermerit. Adalah tugas dan beban pihak responden untuk memastikan kebenaran keterangan dalam afidavit-afidavit yang difailkan dan

bukannya untuk pihak pemohon memaklumkan kepada pihak responden tentang apa-apa kesilapan, sekiranya ada. A

[84] Biar pun begitu, daripada hujahan pihak pemohon, memandangkan isu ketiadaan jurubahasa Tamil telah dibangkitkan, ini jelas menunjukkan pihak pemohon tidak mempunyai apa-apa pengetahuan bahawa wujud apa-apa kesalahan pengkeranian terhadap tarikh tersebut. B

[85] Oleh itu, adalah tidak adil sekiranya permohonan pihak responden dibenarkan memandangkan pembetulan yang dikatakan ekoran kesalahan pengkeranian terhadap tarikh, menyentuh tentang salah satu isu penting dalam permohonan notis usul ini. C

[86] Berdasarkan huraian-huraian di atas, permohonan pihak responden melalui notis pemohonan (kandungan 28) adalah ditolak. D

[87] Berbalik kepada isu asal, memandangkan kandungan 28 telah ditolak, maka wujud percanggahan keterangan-keterangan dalam kandungan 17 dan kandungan 14, khasnya mengenai isu kehadiran jurubahasa Tamil semasa inkuiri dijalankan terhadap pemohon pada 20 Jun 2023. Ekoran percanggahan keterangan tersebut, maka inferens yang lebih memihak kepada pemohon harus diterimapakai. E

[88] Rujukan adalah dibuat kepada kes *SK Tangakaliswaran Krishnan v Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* di mana YA Gopal Sri Ram dalam penghakimannya telah memutuskan di ms 154 (MLJ) bahawa: F

> ... And where that evidence is by way of affidavit the court is not spared the task of subjecting its contents to the same tests as in any other case, if not to stricter scrutiny since the case concerns the violation of a constitutionally guaranteed protection. One of the tests that a court applies to test allegations in affidavits is to see whether they are contradictory in nature. See *Eng Mee Yong & Ors v V Letchumanan* [1979] 2 MLJ 212. Further, where a party upon whom the onus of proof lies adduces *conflicting or contradictory evidence*, a court assessing that evidence is in the usual way *entitled to rule that the burden has not been discharged*. And in a matter as important as individual liberty, where *contradictory averments are made on oath*, the detenu is entitled to rely on the version that is *most favourable to him*. Put a little differently, where as in circumstances present here, more than one inference may be drawn from the evidence presented by the detaining authority, *the inference most favourable to the detenu must be drawn*. (Penekanan ditambah.) G H

I

[89] Maka, inferens yang lebih memihak kepada pemohon adalah inkuiri terhadap pemohon telah dibuat tanpa kehadiran seorang jurubahasa Tamil. Ketiadaan seorang jurubahasa Tamil ini telah menjejaskan kandungan laporan lengkap pegawai siasatan di bawah s 5(4) Akta tersebut memandangkan

keterangan pemohon merupakan salah satu keterangan yang terkandung dalam laporan berkenaan. Dalam pada itu, kesan reaksi berantai ('chain reaction') ekoran penjejasan laporan tersebut adalah perintah tahanan tersebut yang dikeluarkan terhadap pemohon juga adalah defektif.

[90] Maka mahkamah mendapati isu ketiga pihak pemohon adalah bermerit.

Isu keempat: Kegagalan Kementerian Dalam Negeri untuk membekalkan sesalinan rekod keterangan pemohon sebelum pendengaran representasi pemohon adalah suatu pelanggaran perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan

[91] Berkaitan isu keempat ini, pihak pemohon menghujahkan pegawai siasatan di dalam keterangan afidavit jawapannya (kandungan 17) menyatakan beliau telah mengambil keterangan pemohon secara lisan dan bukan dalam bentuk rakaman percakapan.

[92] Biarpun demikian, pihak pemohon menghujahkan inferens boleh dibuat bahawa pegawai siasatan telah merekodkan keterangan pemohon pada 20 Jun 2023 disebabkan beliau hanya mengemaskini fail kes pemohon dan menyediakan laporan lengkap siastan beliau pada 26 Jun 2023 dan 27 Jun 2023.

[93] Dalam pada itu, pihak pemohon menghujahkan penafian hak pemohon untuk dibekalkan dengan sesalinan rekod keterangan pemohon sendiri berjumlah kepada pelanggaran perkara 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana kegagalan untuk membekalkannya kepada pemohon telah memprejudiskan hak pemohon untuk membuat representasi secara penuh, adil dan lengkap semasa pendengaran di hadapan Lembaga Penasihat.

[94] Sebagai hujahan balas, pihak responden telah menyatakan tidak wujud rakaman percakapan sebagaimana yang didakwa oleh pemohon. Pihak responden turut berhujah pegawai siasatan dalam menjalankan kuasanya untuk membuat siasatan dibawah s 5(3) Akta tersebut mendapatkan keterangan daripada pemohon secara lisan dalam bentuk soal jawab yang kemudiannya membuat nota dan catatan sahaja bagi membantu penyediaan laporan bertulis di bawah s 5(4) Akta tersebut.

[95] Demi kemudahan pemahaman, perenggan 14 kandungan 17 (afidavit jawapan pegawai siasatan) yang menyentuh tentang isu rakaman percakapan pemohon dinyatakan semula di bawah ini:

> 14. ... Saya menegaskan bahawa saya tidak pernah merekod ataupun mengambil rakaman percakapan pemohon, tetapi saya telah mengambil keterangan Pemohon

> *secara lisan* berdasarkan budi bicara yang diperuntukkan di bawah akta tersebut bagi tujuan penyediaan laporan di bawah Seksyen 5(4) Akta tersebut. Saya tidak pernah mengambil keterangan dalam suatu bentuk rakaman percakapan seperti yang dilaksanakan oleh Pegawai Penyiasat Polis di bawah Seklsyen 4 Akta tersebut yang memerlukan pengesahan dan tandatangan Pemohon ... Oleh itu tiada salinan rekod keterangan ataupun rakaman percakapan yang perlu dikemukakan kepada Pemohon. (Penekanan ditambah.)

[96] Sekiranya diteliti keterangan tersebut, penghujahan pihak responden di dalam isu ini adalah tidak tepat. Ini adalah kerana pegawai siasatan tidak pernah menyatakan bahawa 'beliau telah mendapatkan keterangan daripada pemohon secara lisan dalam bentuk soal jawab yang kemudiannya membuat nota dan catatan sahaja bagi membantu penyediaan laporan bertulis di bawah s 5(4) Akta tersebut' iaitu sebagaimana yang dihujahkan oleh pihak responden.

[97] Dalam ertikata lain, tiada keterangan dalam afidavit pegawai siasatan bahawa beliau telah menurunkan keterangan lisan dari pemohon ke dalam bentuk bertulis samada dalam bentuk nota dan/atau catatan.

[98] Memandangkan pegawai siasatan hanya mengambil keterangan pemohon secara lisan, persoalan yang timbul adalah adakah keterangan pemohon dinyatakan dalam laporannya di bawah s 5(4) Akta tersebut?

[99] Sekiranya ada dinyatakan, maka memandangkan pegawai siasatan hanya mengambil keterangan secara lisan pada 20 Jun 2023, keraguan akan timbul tentang kebenaran, ketepatan atau kejituan ('accuracy') keterangan pemohon yang diambilnya itu. Lebih-lebih lagi, melalui keterangan pegawai siasatan yang menyatakan 'Oleh itu tiada salinan rekod keterangan ataupun rakaman percakapan yang perlu dikemukakan kepada pemohon' jelas menunjukkan tiada apa-apa rekod keterangan yang telah dibuat oleh beliau.

[100] Seterusnya, dari keterangan pegawai siasatan, beliau hanya mengemaskini fail pemohon pada 26 Jun 2023 berdasarkan keterangan-keterangan yang diperolehinya enam hari sebelumnya iaitu pada 20 Jun 2023. Berganding dengan pengakuan pegawai siasatan bahawa di dalam tempoh enam hari ini, beliau juga telah menjalankan inkuiri-inkuiri bagi fail-fail lain di Pulau Pinang, Perak dan Melaka, maka apakah inkuiri-inkuiri berkenaan tidak menganggu atau mempunyai apa-apa kesan ke atas daya ingatan pegawai siasatan berkaitan keterangan pemohon? Terutamanya keterangan pemohon telah diambil secara lisan oleh pegawai siasatan dan tiada salinan rekod keterangan atau nota dan/atau catatan dibuat oleh pemohon. Bak kata pepatah Cina, 'the faintest of ink is more powerful than the strongest memory'.

[101] Di bawah keadaan sedemikian, apakah selamat untuk bergantung kepada laporan pegawai siasatan bagi tujuan pengeluaran perintah tahanan tersebut? Jawapannya adalah tidak.

[102] Sebaliknya, sekiranya keterangan secara lisan pemohon tidak dinyatakan dalam laporan pegawai siasatan di bawah s 5(4) Akta tersebut, maka tidakkah ini akan berjumlah kepada penafian hak pemohon untuk membela dirinya melalui keterangan yang diberikannya itu. Tidakkah ini berjumlah kepada perlanggaran keadilan asasi ('breach of natural justice'), khasnya hak untuk didengar ('the right to be heard')?

[103] Apakah ini yang dimaksudkan dengan prinsip 'equality of arms' sebagaimana yang digariskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* di perenggan 52:

> [52] The concept of fair trial necessitates the observance of the 'equality of arms' principle that each party must be afforded a reasonable opportunity to present his or her case and that such person not be placed at a disadvantage vis a vis his opponent.

[104] Selanjutnya, tahanan pemohon di bawah Akta tersebut adalah tahanan tanpa perbicaraan, oleh itu beberapa perlindungan undang-undang penting seperti anggapan tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah menurut undang-undang dalam perbicaraan awam dan beban pendakwaan membuktikan setiap elemen kesalahan melampaui keraguan munasabah, telah dinafikan kepada pemohon.

[105] Dalam pada itu, satu-satunya perlindungan diberikan kepada pemohon adalah di bawah s 11C Akta tersebut iaitu kajian semula kehakiman akan tindakan atau keputusan YDPA dan Menteri berkaitan apa-apa soalan tentang pematuhan pematuhan apa-apa kehendak tatacara di bawah Akta tersebut yang mengawal selia tindakan atau keputusan itu.

[106] Oleh yang demikian, berpandukan kepada prinsip *equality of arms* dan nas undang-undang yang dinyatakan di atas, hak pemohon telah diprejudiskan dan dinafikan. Maka mahkamah mendapati isu keempat pihak pemohon adalah bermerit.

[107] Sebelum beredar ke isu kelima, ingin dinyataklan di sini bahawa kes *Muhammad Redzuan bin Omar v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [2022] 5 MLJ 611; [2023] 2 CLJ 859 yang dibangkitkan oleh pihak responden adalah tidak terpakai di sini memandangkan pihak pemohon tidak mempertikaikan kegagalan pegawai siasatan merekodkan percakapan pemohon. Sebaliknya, pertikaian dan hujahan pihak pemohon adalah berkaitan kegagalan pegawai siasatan untuk membekalkan keterangan

pemohon bagi kegunaannya semasa pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat.

Isu kelima: Wujudnya penafian hak representasi pemohon yang dijamin di bawah perkara 151 Perlembagaan Persekutuan untuk mendapatkan 'a fair trial' apabila permohonan pemohon untuk menangguhkan pendengaran representasi pada 19 September 2023 bagi membolehkan kehadiran saksi-saksi penting beliau telah ditolak dan pemohon dipaksa untuk meneruskan representasi tanpa kehadiran saksi-saksi tersebut

[108] Berkaitan isu ini, pihak pemohon menghujahkan Lembaga Penasihat dalam menolak permohonan pemohon untuk penangguhan pendengaran representasi pada 19 September 2023 di atas alasan ketidakhadiran saksi-saksi pemohon telah berjumlah kepada penafian hak pemohon untuk membuat representasi terhadap perintah tahanan tersebut sebagaimana yang dijamin di bawah perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

[109] Menurut pemohon, beliau bercadang memanggil tiga orang saksi material untuk memberi keterangan semasa pendengaran representasi pada 19 September 2023. Malangnya, dua saksi iaitu Jayanthi a/p Subramaniam (ibu pemohon) dan Amanth a/l Sathivel (rakan pemohon) terlibat dalam kemalangan jalanraya semasa dalam perjalanan ke pendengaran representasi tersebut. Manakala saksi ketiga iaitu Franchiss Dass a/l Joon @ Johan masih lagi berada di PPA Simpang Renggam, Johor.

[110] Pihak pemohon turut menghujahkan bahawa biarpun Lembaga Penasihat mengambil maklum tentang permohonan penangguhan dan ketidakhadiran ketiga-tiga saksi pemohon, namun, pihak peguambela pemohon telah diarahkan untuk meneruskan dengan pendengaran representasi pemohon.

[111] Alasan yang diberikan oleh Lembaga Penasihat adalah tarikh persidangan di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak adalah dari 10–12 Oktober 2023 iaitu dua hari sebelum tamat tempoh tiga bulan pemohon. Maka, penangguhan tidak dapat dibenarkan kerana pihak Lembaga Penasihat tidak mempunyai masa mencukupi untuk membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah s 10(1) Akta tersebut.

[112] Pihak pemohon turut menghujahkan biarpun pihak responden menafikan tentang permohonan penangguhan oleh peguambela pemohon, namun, tiada minit prosiding dikemukakan dalam afidavit jawapan Pengerusi Lembaga Penasihat (kandungan 8) mahupun afiadavit jawapan Setiausaha Lembaga Penasihat (kandungan 7) bagi membuktikan tiada permohonan penangguhan dibuat oleh pihak pemohon. Kegagalan berbuat demikian

membangkitkan inferens menentang di bawah s 114 misalan (g) Akta Keterangan 1950 dan Keputusan dalam kes Mahkamah Persekutuan *Mohammad Azanul Haqimi bin Tuan Ahmad Azahari v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2019] MLJU 737; [2019] 8 CLJ 465 telah dirujuk bagi menyokong hujahannya.

[113] Pihak responden telah menghujahkan bahawa kes *Mohammad Azanul Haqimi bin Tuan Ahmad Azahari v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* dapat dibezakan dengan fakta dan keterangan dalam kes pemohon ini kerana tiada percanggahan keterangan yang berlaku. Oleh itu, tiada keperluan prosedur untuk nota prosiding Lembaga Penasihat dikemukakan.

[114] Berkaitan isu percanggahan keterangan ini, adalah jelas wujud percanggahan keterangan tentang permohonan penangguhan prosiding di atas alasan ketidakhadiran tiga saksi pemohon yang materia. Pihak pemohon telah menyatakan permohonan penangguhan telah dibuat oleh peguambelanya semasa pendengaran representasi pada 19 September 2023 namun fakta ini telah dinafikan oleh kedua-dua Setiausaha dan Pengerusi Lembaga Penasihat.

[115] Memandangkan wujud dua versi yang dikemukakan tentang adakah sebenarnya permohonan penangguhan dibuat oleh pihak pemohon, maka adalah wajar minit-minit prosiding Lembaga Penasihat dikemukakan. Alasan ia tidak dapat dikemukakan kerana diklasifikasikan sebagai dokumen 'Rahsia' didapati tidak munasabah dan tidak boleh diterima oleh mahkamah ini.

[116] Pendekatan ini sebenarnya telah diambil oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Mohammad Azanul Haqimi bin Tuan Ahmad Azahari v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* di mana YAA David Wong (Ketua Hakim Sabah dan Sarawak) telah menyatakan seperti berikut:

> [19] In all fairness to the respondents, during the hearing of this appeal, we asked them whether they could adduce the minutes of the board hearing to support their version of the events. The said minutes constituted material evidence solely within the respondents' custody. *We were met with the response that said minutes were 'rahsia'. To us, this argument did not hold water.*
>
> [20] *Firstly, this court could have viewed that evidence in camera. Secondly and in any case, we need only to read the alleged portion proving that the respondents' version of the story was accurate. Nothing more.*
>
> [21] Since the burden to justify the detention lies on the respondents, we considered their failure to adduce the said minutes amounted to a willful withholding of material evidence. *Thus, to us, this case not only called for an inference favourable to the appellant, it also called for an adverse inference against the respondents. Simply, we presumed that had the respondents adduced the contents of the minutes of the board hearing, the contents of those minutes would have been unfavourable to them.* (Penekanan ditambah.)

[117] Di dalam kes tersebut, wujud juga pertikaian dalam prosiding pendengaran representasi yang telah membawa kepada percanggahan keterangan dalam afidavit-afidavit. Kegagalan pihak responden dalam mengemukakan minit-minit pendengaran representasi atas alasan rahsia telah membangkitkan inferens menentang di bawah s 114 misalan (g) Akta Keterangan 1950.

[118] Maka, berlandaskan kes *Mohammad Azanul Haqimi bin Tuan Ahmad Azahari v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors*, kegagalan pengemukaan minit-minit prosiding Lembaga Penasihat telah membangkitkan inferens menentang di bawah s 114 misalan (g) Akta Keterangan 1950 iaitu sekiranya ia dikemukakan, ia tidak akan memihak kepada pihak responden. Dalam ertikata lain, minit-minit prosiding akan mencatitkan permohonan penangguhan oleh pihak pemohon atas ketidakhadiran tiga orang saksi material.

[119] Seterusnya, pihak responden juga menghujahkan setelah Lembaga Penasihat mendengar dan menimbangkan keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan termasuk representasi perayu serta keterangan saksi-saksi, membuat dan mengemukakan syor yang sewajarnya mengenai representasi perayu kepada Yang di-Pertuan Agong dan apabila Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan syor Lembaga Penasihat mengenai representasi Perayu iaitu perintah tahanan Perayu diteruskan, isu ini seharusnya berakhir di peringkat tersebut dan tidak sewajarnya dibangkitkan dalam bicara permohonan writ of habeas corpus pemohon di Mahkamah yang Mulia ini. Rujukan juga telah dibuat kepada ss 10(2) dan 11C(1) Akta tersebut.

[120] Bagi kemudahan kefahaman hujahan pihak responden ini, adalah wajar ss 10(2) dan 11C(1) Akta tersebut dinyatakan semula di bawah ini:

> 10 Report of Advisory Board
>
> (1) ...
>
> *(2) Upon considering the recommendations of the Advisory Board under this section, the Yang di-Pertuan Agong may give the Minister such directions, if any, as he shall think fit regarding the order made by the Minister and every decision of the Yang di-Pertuan Agong shall, subject to* section 11*, be final and shall not be called into question in any court.*

Manakala,

> 11C Judicial review of act or decision of Yang di-Pertuan Agong and Minister
>
> (1) There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or finding or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act*, save in regard to any question on compliance with*

any procedural requirement in this Act governing such act or decision. (Penekanan ditambah.)

[121] Dari pembacaan s 11C(1) Akta tersebut, ia jelas membenarkan kajian semula kehakiman akan tindakan atau keputusan YDPA dan Menteri berkaitan apa-apa soalan tentang *pematuhan-pematuhan apa-apa kehendak tatacara* di bawah Akta tersebut yang *mengawal selia tindakan atau keputusan itu*.

[122] Berkaitan isu kelima ini, pihak pemohon telah mempertikaikan proses pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat di mana permohonan penangguhan telah dinafikan malah pihak pemohon dipaksa untuk meneruskan dengan pendengaran tanpa kehadiran tiga orang saksi material yang boleh membuktikan ketidakbersalahannya.

[123] Dalam pada itu, alegasi penafian hak serta prejudis kepada pihak pemohon ekoran ketidakpatuhan tatacara semasa pendengaran representasi di hadapan Lembaga Penasihat berada di dalam rangkuman proviso s 11C(1) Akta tersebut.

[124] Selanjutnya, alasan bahawa tempoh tiga bulan hampir tamat yang diberikan sebagai alasan oleh Lembaga Penasihat bagi penolakan permohonan penangguhan pendengaran adalah tidak munasabah. Ini adalah kerana permohonan lanjutan masa boleh dibuat kepada YDPA di bawah perkara 151(1)(b) Perlembagaan Persekutuan serta s 10(1) Akta tersebut.

[125] Dalam pada itu, berdasarkan huraian-huraian di atas, adalah dapatan mahkamah ini pihak pemohon telah dinafikan hak-haknya apabila beliau tidak dapat memanggil saksi-saksi material untuk menyokong representasinya dan/atau pembelaannya dan/atau membuktikan ketakbersalahannya pada Lembaga Penasihat.

[126] Isu kelima pihak pemohon juga didapati adalah bermerit.

KESIMPULAN

[127] Berdasarkan kepada dapatan dan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah memerintahkan satu writ habeas corpus dikeluarkan dan pemohon dibebas dan dilepaskan dengan serta merta.

Permohonan pemohon untuk pengeluaran writ habeas corpus dibenarkan; pemohon dilepaskan dan dibebaskan dengan serta merta.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar